

# UMK TERIMA ANUGERAH SARONG WANGSA PERDANA MAKUM

Oleh : Syarimie Wosley & Pn. Ros Dalilah Abd. Ghani

Gambar : Cik Linira Ghazali

Hebahan : [Berita@umk.edu.my](mailto:Berita@umk.edu.my)



KOMITMEN Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam melestarikan aktiviti kebudayaan dan kesenian di kalangan pelajar terus mendapat pengiktirafan apabila dinobatkan sebagai penerima Anugerah Sarong Wangsa Perdana sempena Majlis Anugerah Seni Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) dan Majlis Penyerahan Sekretariat MAKUM yang berlangsung di sebuah hotel di Kuching, Sarawak, pada 30 Mac 2013. Ketua Unit Kebudayaan Pusat Ko-Kurikulum, UMK, Pn. Ros Dalilah binti Abd. Ghani, berkata, anugerah tersebut bagi mengiktiraf pembabitan aktif dan komitmen UMK dalam menyertai dan menganjurkan pelbagai aktiviti MAKUM sepanjang tahun 2011/12.

Beliau berkata, sesungguhnya, anugerah ini cukup bermakna dan satu pengiktirafan kepada UMK kerana kejayaan serta pencapaian ini adalah hasil daripada titik peluh dan usaha gigih semua staf khususnya di bawah Unit Kebudayaan, Pusat Ko-Kurikulum dan sokongan jitu daripada Jabatan Hal Ehwal Pelajar (JHEP) UMK.

“Menerusi kejayaan ini, anugerah ini dapat menyuntik semangat buat semua warga UMK walaupun kita universiti baharu namun komitmen UMK dalam mengangkat aktiviti kesenian dan kebudayaan kini berada pada landasan yang betul dan sekaligus dapat mengharumkan nama Universiti dalam arena kebudayaan,” katanya.

Menurut Pn. Ros Dalilah, selain menerima Anugerah Sarong Wangsa, dua orang pelajar UMK Mohamad Zainuri bin Mohd Zin (pelajar Pengajian Warisan, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan) dan Nur Yusra Izzati binti Che Mansor (pelajar Geosains, Fakulti Sains Bumi) turut dicalonkan untuk Anugerah Bonang Emas MAKUM.

“Manakala, Kelab Lestari Warisan (Le’Waris) UMK telah dicalonkan bagi kategori Anugerah Gambang Mustika MAKUM. Pada majlis itu, pihak MAKUM turut mengumumkan keputusan pemenang bagi pertandingan Video Dokumentari Budaya dan Warisan 1 Malaysia “Blue Ocean Strategy” 2011/12 dan UMK hanya berjaya menduduki tempat 15 teratas dalam pertandingan tersebut,” jelasnya.



Dalam pada itu, UMK turut menerima Anugerah Gendang Sari Utama MAKUM dan Anugerah Kenong Budi MAKUM bagi menghargai khidmat dan jasa pemimpin MAKUM UMK yang telah mencurahkan bakti dalam pembangunan dan pengembangan aktiviti kebudayaan dan kesenian di peringkat IPTA.

Sempena majlis itu, Pengerusi MAKUM merangkap Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Prof. Mohd Fadzil bin Abdul Rahman, telah menyempurnakan majlis pelancaran empat buah buku terbitan MAKUM iaitu; Buku FESStKUM 2011, Buku FESStKUM 2012, Buku MAKUM 2011/2012, dan Buku Eksplorasi Fotografi MAKUM yang mengandungi kompilasi aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan MAKUM sepanjang tahun 2011 dan 2012.

Malam anugerah ini turut menyaksikan pelantikan dan penyerahan watakah Sekretariat MAKUM bagi sesi 2013/2014 kepada Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Sebelum ini Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah menjalankan tanggungjawab dengan cemerlang sebagai Sekretariat MAKUM bagi sesi 2011/2012.

Sementara itu, Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak, turut mengucapkan tahniah kepada semua penerima yang mengharumkan nama UMK ke persada seni tempatan dan telah mengharumkan nama Universiti dalam memartabatkan aktiviti kesenian dan kebudayaan.

---